



کتوا حاکیم شرعی

KETUA HAKIM SYARIE

Aras 5, Mahkamah Syariah Perak,
Jalan Tan Sri Hj Harussani,
30100 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

Tel: 05-5018402
Faks: 05-5018540
Emel: khsperek@esyariah.gov.my

Ruj. Kami: JKSPk 600-1/2/4 Jld.3 (66)
Tarikh : 21 Zulhijjah 1446H
18 Jun 2025M

YA Hakim-Hakim Mahkamah Utama Syariah
Perak Darul Ridzuan

YAA Pengerusi Mahkamah Rayuan Syariah
Perak Darul Ridzuan

YA Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah
Perak Darul Ridzuan

YA Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Perak Darul Ridzuan

YA Tuan Ketua Pendaftar Mahkamah Utama Syariah
Perak Darul Ridzuan

Tuan/Puan Hakim-Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Perak Darul Ridzuan

Pendaftar-Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah
Perak Darul Ridzuan

Penolong-Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah
Perak Darul Ridzuan

**Arahan Amalan
Ketua Hakim Syarie Negeri Perak
No. 1 Tahun 2025**

**Penerimaan dan Penguatkuasaan
Arahan Amalan
Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia (JKSM)
Tahun 2024**

Saya ingin menarik perhatian YAA / YA / Tuan / Puan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Arahan Amalan Ketua Hakim Syarie yang telah diadakan di Bilik Gerakan, Jabatan Kehakiman Syariah Perak pada 28 Mei 2024 dan berdasarkan peruntukan seksyen 45 Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018, saya mengeluarkan arahan bagi pemakaian dan

penguatkuasaan Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) tahun 2024 seperti berikut:

BIL	NO. ARAHAN AMALAN	TAJUK ARAHAN AMALAN	CATATAN
1.	1/2024	Keperluan Pemfailan Borang Perakuan Bantuan Guaman Dan Borang Pemberitahuan Pemberian Perakuan Bantuan Guaman Di Mahkamah Syariah Oleh Peguam Jabatan Bantuan Guaman (JBG)	Diterima
2.	2/2024	Permohonan Tangguhan Kes Atas Pelbagai Alasan Termasuklah Alasan Melalui Pengemukakan Sijil Cuti Sakit	Diterima
3.	3/2024	Pertindihan Pendengaran Kes	Diterima
4.	4/2024	Tempoh Masa Sah Laku Perintah Kebenaran Poligami	Ditolak kerana terdapat Arahan Amalan KHS Perak No. 9 Tahun 2023: Perlanjutan Tempoh Sahlaku Perintah Kebenaran Berpoligami / Perintah Kebenaran Perkahwinan diakadnikahkan oleh Wali Hakim dan Arahan Amalan KHS Perak No.8 Tahun 2010: Tempoh Sah Laku Perintah Kebenaran Berpoligami
5.	5/2024	Perjanjian Penyelesaian / Persetujuan Yang Dibuat oleh Pihak-Pihak, Peguam Syarie dan Pegawai Sulh / Pengantara / Mediasi Agensi Tertentu Tidak Perlu Dirujuk ke Majlis Sulh Pada Peringkat Pendaftaran Kes	Diterima
6.	6/2024	Serahan Dokumen dan Surat Cara Mahkamah Selain Saman Antara Peguam Syarie Secara Perkhidmatan Elektronik Secara E-Mel	Ditolak dengan Arahan Amalan Ketua Hakim Syarie No. 7 Tahun 2025

7.	7/2024	Garis Panduan Tatacara Mencabar Kebolehpercayaan Saksi	Ditolak
----	--------	--	---------

Arahan Amalan ini berkuatkuasa serta merta.



(YAA DATO' HJ. AB. RAHMAN THOBRONI BIN HJ. MOHD MANSOR)
Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
PERAK DARUL RIDZUAN

s.k:

1. Y.B Penasihat Undang-Undang Negeri Perak
2. Pegawai Undang-Undang Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
3. Ketua Pendakwa Syarie Negeri Perak
4. Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Negeri Perak
5. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga JAIPk
6. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Agama JAIPk
7. Penolong Pengarah Bahagian Sokongan Keluarga
8. Peguam-Peguam Syarie Negeri Perak